

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' ABDULLAH SANI BIN ABDUL  
HAMID [KAPAR]**

**TARIKH : 07 OKTOBER 2019 (ISNIN)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan jumlah sebenar warga asing yang diberikan kebenaran untuk bekerja sebagai pemandu kenderaan perdagangan dan penumpang.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, dasar pengeluaran lesen vokasional kepada pemohon warganegara asing telah ditetapkan pelaksanaannya melalui Arahan Jabatan Bilangan 2 Tahun 1996. Berdasarkan Arahan Jabatan tersebut, pengeluaran Lesen Memandu Kenderaan Perkhidmatan Awam (PSV) kepada warganegara asing adalah tidak dibenarkan sama sekali, tetapi permohonan Lesen Memandu Kenderaan Barangan (GDL) kepada warganegara asing adalah layak dipertimbangkan berdasarkan syarat-syarat yang ditetapkan.

2. Walau bagaimanapun, berdasarkan surat pekeliling bilangan (11) JPJ/L(LM)244/3/2-16 Klt. 9 bertarikh 29 Februari 2008 telah memutuskan semua permohonan bagi pengeluaran lesen vokasional (PSV dan GDL) iaitu urusan permohonan baru, pembaharuan, tambah kelas, salinan, pinda butir, pewujudan rekod dan sebagainya kepada warganegara asing adalah tidak dibenarkan.

3. Dalam hubungan ini, pelaksanaan arahan ini adalah tidak melibatkan permohonan daripada warganegara Singapura. Bagi warganegara Singapura, proses pengeluaran lesen vokasional (PSV dan GDL) hanya dibenarkan dikendalikan di stesen JPJ Johor Bahru, Johor sebagaimana surat pekeliling bilangan (5) JPJ 284/1/6(3) Klt.2 bertarikh 8 Oktober 2007.

4. Berdasarkan statistik Jabatan, seramai 14,523 orang bukan warganegara telah memiliki Lesen Memandu Vokasional GDL manakala 4,439 orang telah memiliki Lesen PSV. Pecahan statistik berdasarkan tiga (3) tahun terkini.

Sekian, terima kasih.